

50

R B875 BAH  
FADZIL - PITA

ALOR SETAR, 22 SEPT (BERNAMA) -- PAS MENGANGGAP PENDEDAHAN OLEH PERDANA MENTERI MENGENAI PITA RAKAMAN UCAPAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH HENDAK +MEMBUNUH+ PAS APABILA BERKUASA, SEBAGAI +PERCUBAAN KERAJAAN UNTUK MEMECAH-BELAHKAN HUBUNGAN PARTI ITU DENGAN SEMANGAT 46.+

YANG DIPERTUA AGUNG PAS, HAJI FADZIL NOOR BERKATA, KENYATAAN SEUMPAMA ITU SENGAJA DISEBARKAN OLEH PARA PEMIMPIN UMNO UNTUK MEMECAH-BELAHKAN HUBUNGAN BAIK ANTARA PAS DAN SEMANGAT 46 SEKARANG.

BELIAU BERKATA, KENYATAAN ITU MEMBUKTIKAN BAHWA UMNO KINI BENAR-BENAR BIMBANG TERHADAP HUBUNGAN KERJASAMA ANTARA PAS DAN SEMANGAT 46 DAN BERUSAHA UNTUK MEMUSNAHKANNYA.

SEMALAM, SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PERHIMPUNAN BERSAMA RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH CHANGLUN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENDEDAHKAN BAHAWA BELIAU MEMPUNYAI PITA RAKAMAN UCAPAN TENGGU RAZALEIGH YANG MENYEBUT SEMANGAT 46 AKAN +MEMBUNUH+ PAS JIKA MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DALAM UCAPANNYA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, PRESIDEN SEMANGAT 46 ITU MENERANGKAN RANCANGAN UNTUK MENGHAPUSKAN PAS DALAM MESYUARAT TERTUTUP PARTI ITU DI KEDIAMANNYA (TENGGU RAZALEIGH) DI KUALA LUMPUR BARU-BARU INI. -- LAGI.

1637MST 22 09 90

D658

R B877 BAH  
FADZIL - PITA 2 ALOR SETAR

KETIKA DITANYA MENGENAI KEMUNGKINAN RAMAI ANGGOTA PAS BERMINAT UNTUK MENDENGAR PITA RAKAMAN TERSEBUT, HAJI FADZIL BERKATA: +SEKIRANYA DATUK SERI DR MAHATHIR MAHU DIA BOLEH MENUNJUKKANNYA KEPADA ORANG RAMAI MELALUI TELEVISYEN+.

BELIAU YAKIN SEMUA ANGGOTA PAS MENGETAHUI KEDUDUKAN YANG SEBENAR.

MENURUTNYA, KERJASAMA PAS DAN SEMANGAT 46 MEMBIMBANGKAN DATUK SERI DR MAHATHIR LALU BELIAU MEMBUAT PROPAGANDA MENGENAI PITA RAKAMAN TERSEBUT.

HAJI FADZIL BERKATA, PAS MENGANGGAP PENDEDAHAN ITU SEBAGAI PERKARA BIASA DALAM POLITIK.

DI KUALA TERENGGANU, TIMBALAN PESURUHJAYA PAS NEGERI TERENGGANU, HAJI MUSTAFA ALI YAKIN TENGGU RAZALEIGH AKAN SEGERA MEMBERI PENJELASAN BERSABIT TUDUHAN PERDANA MENTERI ITU.

HAJI MUSTAFA MENJELASKAN BAHAWA SESUATU KENYATAAN ITU HANYA BOLEH DIPERCAYAI APABILA ADANYA BUKTI, TETAPI SESUATU KENYATAAN YANG TIDAK DISERTAI DENGAN BUKTI MERUPAKAN SATU TUDUHAN SAHAJA.+ -- BERNAMA.

1654MST 22 09 90